

#### BAB 4 – BUKU CATATAN PERTAMA

1. Pada 1 April 2014 Puan Zaidah memulakan perniagaan Bakeri Lazat yang membekalkan pelbagai jenis kek dan biskut di Pekan Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

<p><b>MEMO</b>  <b>BAKERI LAZAT</b>  <b>NO 37A Simpang Empat</b>  <b>86400 Parit Raja</b>  <b>Batu Pahat, Johor</b></p> <p style="text-align: right;">Tarikh : 28 April 2014</p> <p><b>Peringatan</b></p> <p style="text-align: center;">Mengambil 2 biji kek lapis berjumlah RM 108.00 untuk tujuan promosi</p> <p style="text-align: right;"><i>Zaidah</i> Pengurus</p>
---

Rekodkan urusan di atas ke dalam Jurnal Am.

---



---



---



---

2. Kedai Buku Mazid membeli meja pejabat secara kredit daripada Kilang Perabot Fiori. Lengkapkan rekod bagi Kedai Mazid.

Buku Catatan Pertama	Dokumen

3. Catatkan urusan niaga berikut ke dalam jurnal am. Pada 16 Julai Kedai Elektrik Agness telah membeli rak pameran RM1 200 secara kredit daripada Akea Enterprise. (keterangan tidak diperlukan)

Tarikh	Butir	Debit	Kredit

4. Catatkan urusan niaga berikut di dalam Jurnal Am. (abaikan keterangan)

Memulakan perniagaan dengan tunai di bank sebanyak RM15 000 dan perabot RM5 000
---

Tarikh	Butir	Debit	Kredit

5. Berdasarkan urusan niaga di bawah, tunjukkan catatan dalam buku catatan pertama yang sesuai.

2014	
Mei 8	Pemilik mengambil kerusi dan meja dari rumah kediamannya RM5 000 untuk kegunaan perniagaan.

---



---



---



---

6. **Pemilik Perniagaan Kayu Manis membayar gaji pekerjaanya RM3 500 dengan cek daripada akaun peribadinya pada 30 Jun 2013.**

Rekodkan urusan di atas ke dalam Jurnal Am ( keterangan tidak diperlukan ).

---



---



---



---

7. Namakan Buku Catatan Pertama bagi setiap urusan di bawah.

Urusniaga	Buku Catatan Pertama
Bawa masuk kenderaan sebagai modal.	
Beli barang niaga secara kredit.	

8. Urus niaga berikut diperoleh daripada buku Kilang Biskut Nabilah Houda.  
1 Ogos 2013 : Membeli set sofa RM3 500 daripada Kedai Jati Stacy secara kredit.

Rekodkan urusan ini dalam Jurnal Am.

Tarikh	Butir	Debit	Kredit

9. Nyatakan dokumen dan buku catatan pertama bagi urusan niaga berikut:

Urus niaga	Dokumen	Buku Catatan Pertama
Membeliengkapan untuk perniagaan menggunakan wang peribadi RM2 890		